



## Wabak: Hikmah Dan Bagaimana Menghadapinya?

### (Bahagian Akhir)

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

### 3. Dilarang Keluar Dari Negara Yang Dilanda Wabak

Orang yang berada di kawasan atau di tempat yang menularnya wabak demikian hendaklah tidak meninggalkan tempat itu semata-mata untuk melarikan diri.

Larangan ini adalah berdasarkan hadits Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, Baginda bersabda:

...

( )

**Maksudnya:** “Dan sesiapa yang berada di tempat berlakunya wabak taun itu, maka janganlah dia keluar untuk lari daripada wabak itu.”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Al-Imam Ibn Hajar *Rahimahullah* di dalam kitabnya *az-Zawajir* menyatakan bahawa tindakan keluar dari negeri yang dilanda wabak taun semata-mata untuk melarikan diri daripada wabak taun tersebut agar tidak dijangkiti adalah merupakan satu dosa besar.

Allah telah mengazab kaum Bani Israel kerana mereka melarikan diri supaya selamat dari kematian akibat dijangkiti wabak taun.

Imam al-Qurthubi *Rahimahullah* menceritakan dalam kitab tafsirnya bahawa satu kaum daripada Bani Israel dilanda wabak taun di sebuah kampung yang dikatakan daripada penduduk Dawardan.

Mereka yang dikatakan seramai 4000 orang melarikan diri daripada kampung itu lalu mereka berkata: “*Kita datang ke tempat yang tidak ada kematian padanya.*” Sehingga mereka sampai ke sebuah lembah, lalu Allah mematikan mereka sebelum sampai ajal mereka sebagai hukuman ke atas mereka.

Apabila seorang Nabi (dikatakan namanya Syam‘un) melintas di kawasan itu, lalu Baginda berdoa agar mereka dihidupkan semula, maka Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* menghidupkan mereka untuk menjadi tauladan dan pengajaran kepada mereka dan orang-orang sesudah mereka bahawa kematian itu di tangan Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*, bukannya di tangan sesiapa selainNya. Dikatakan mereka mati selama lapan hari dan dikatakan juga tujuh hari.

Kaum Bani Israel inilah yang dimaksudkan dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا  
ثُمَّ أَحْيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ  
(243 : )

**Tafsirnya:** “*Tidakkah engkau mengetahui (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang keluar (melarikan diri) dari kampung halamannya kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka: “Matilah kamu.” Kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpah-limpah kurniaNya kepada manusia (seluruhnya), tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.*”

Kematian yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* timpakan kepada mereka itu adalah kematian dalam bentuk *uqubah* (hukuman) dan kematian dalam bentuk hukuman ini disusuli dengan kehidupan selepasnya. Ia berbeza dengan kematian disebabkan datangnya ajal, ia tidak disusuli dengan kehidupan selepasnya.

Kematian tersebut adalah untuk meperlihatkan dan memberi pengajaran kepada mereka dan umat selepas mereka bahawa kuasa mematikan itu adalah kuasa mutlak Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bukan pada kuasa selainnya.

### **Hikmah Larangan**

Hikmah larangan ini adalah kerana jika seseorang itu melarikan diri daripada wabak taun itu nescaya dia melarikan diri daripada qadha dan qadar Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ia juga serupa dengan orang yang melarikan diri daripada peperangan, sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

( )

**Maksudnya:** “Orang yang lari daripada (wabak) taun seperti orang yang lari daripada peperangan dan orang yang sabar padanya (taun) seperti orang yang sabar dalam peperangan.”

(Hadits riwayat Ahmad)

Larangan ini juga bertujuan adalah untuk mengukuhkan sifat tawakkal dan penyerahan diri kepada kekuasaan Allah dalam mendatangkan kebaikan dan keburukan kepada manusia kerana suatu penyakit itu tidak akan berjangkit kecuali dengan izin Allah sebagaimana sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

...

( )

**Maksudnya:** “*Tiada penyakit yang berjangkit (dengan sendirinya melainkan dengan izin Allah), tidak ada ramalan hal-hal buruk...*”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Tersebut dalam kitab Hasyiah al-Bujairimi mengenai wabak taun bahawa haram masuk ke kawasan yang dilanda wabak taun dan haram keluar melarikan diri daripadanya tanpa sebarang hajat.

Oleh itu, adalah wajar dikuarantin orang-orang yang menghidap wabak tersebut apabila mereka memasuki ke sesebuah negara yang tidak dilanda wabak itu. Ini mengelakkan daripada mereka menjangkiti orang lain, sebagaimana langkah-langkah yang telah diusahakan oleh mana-mana Kementerian Kesihatan.

#### **4. Boleh Keluar Untuk Sesuatu Urusan**

Adapun keluar bukan disebabkan melarikan diri ataupun keluar disebabkan hajat keperluan maka tidaklah dilarang.

#### **5. Sabar Dan Tawakkal**

Apabila seseorang itu diserang wabak penyakit, hendaklah dia bersabar iaitu tidak merasa cemas dan gelisah bahkan hendaklah dia berserah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta redha dengan qadhaNya.

Ganjaran bagi orang yang terkena wabak kemudian dia redha dan sabar dengan apa yang timpakan kepadanya lalu meninggal dunia dia akan mendapat ganjaran syahid.

Dalam hadits ada menyatakan bahawa orang yang mati disebabkan penyakit taun adalah mati syahid, sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu:*

:

:

:

( )

**Maksudnya:** *“Bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Ketika seorang lelaki berjalan di sebatang jalan lalu dia mendapati di jalan itu dahan kayu yang berduri maka dijauhkannya (dahan itu daripada jalan). Lalu Allah bersyukur kepadanya dan mengampunkan lelaki itu dan Baginda bersabda: “Syahid itu ada lima: “Orang yang mati kerana menghidap penyakit taun, dan orang yang mati kerana menghidap penyakit perut, dan orang yang mati lemas, dan orang yang mati keruntuhan dan syahid di jalan Allah ‘azza wajalla.”*

(Hadits riwayat Muslim)

Sabda Baginda lagi:

( )

**Maksudnya:** *“Taun itu adalah syahadah (syahid) bagi setiap muslim.”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Hadits ini menjelaskan bahawa setiap orang Islam yang mati disebabkan taun adalah mati syahid. Ini termasuklah juga orang Islam yang melakukan maksiat akan tetapi tahap syahidnya tidaklah sempurna atau tidak sama dengan tahap syahid orang yang beriman.

## 6. Tutup Segala Bejana Dan Tempat Minum

Sunat menutup bejana atau tempat menyimpan air, sebagaimana Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* menyuruh supaya menutup bejana atau tempat menyimpan air supaya tidak dicemari oleh wabak. Diriwayatkan oleh Jabir bin ‘Abdullah *Radhiallahu ‘anhu*, beliau berkata:

:

( )

**Maksudnya:** “*Aku pernah mendengar Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Kamu tutuplah bejana dan kamu ikatlah tempat air minum, kerana sesungguhnya dalam setahun ada suatu malam turunnya wabak. Tidak melewati (wabak itu) bejana yang tidak ada penutup atau tempat air yang tidak ada pengikat melainkan hinggap padanya wabak itu.”*

(Hadits riwayat Muslim)

Apa yang diajarkan Islam dalam menghadapi wabak taun hendaklah dijadikan iktibar dan pedoman kepada umat Islam hari ini. Kita hendaklah menghadapi apa jua jenis wabak penyakit yang melanda kita, seperti wabak influenza babi yang berlaku mutakhir ini, dengan mengambil kira aspek akidah yang lurus sebagai garis sempadan kita bertindak. Apa jua tindakan yang kita ambil, janganlah lari daripada keyakinan kepada qadha dan qadar Allah yang menuntut kita bertawakkal di samping berusaha menghindarkan diri daripada dijangkiti oleh wabak itu.